

# HOW TO BECOME A LICENSED LAND SURVEYOR

ARTIKEL, LATIHAN,  
PEPERIKSAAN

SR DR. TAN LIAT CHOON

07-5530844

016-4975551

# ISI KANDUNGAN

- Juruukur Tanah Berlesen vs Juruukur Tanah Berdaftar
- Artikel
- Latihan
- Peperiksaan

# JURUUKUR TANAH BERLESEN *vs* JURUUKUR TANAH BERDAFTAR

# Juruukur Tanah Berlesen vs Juruukur Tanah Berdaftar

Juruukur Tanah Berlesen adalah mereka yang telah lulus semua peperiksaan dan dibenarkan menjalankan kerja ukur hakmilik dan berdaftar dengan Lembaga Juruukur Tanah (SWASTA).

Juruukur Tanah Berdaftar adalah mereka yang telah lulus semua peperiksaan dan berdaftar dengan Lembaga Juruukur Tanah (BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN).

# ARTIKEL

# Tempoh Dan Syarat Artikel

“Orang Berartikel” ertinya seseorang yang ingin melayakkan dirinya untuk didaftarkan sebagai seorang Juruukur Tanah Berlesen / Juruukur Tanah Berdaftar yang telah membuat Artikel dengan seorang Juruukur Tanah Berlesen / Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

“Artikel” ertinya suatu perjanjian yang dibuat antara seorang Juruukur Tanah Berlesen / Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dengan seorang Orang Berartikel.

# Tempoh dan Syarat Artikel

- Suatu Artikel hendaklah bagi tempoh dua tahun. Boleh membuat pembaharuan dua tahun sekali.
- Sebelum seseorang itu membuat sesuatu Artikel, dia hendaklah mengemukakan kelayakan akademik (UTM, UiTM dll yang diiktiraf oleh LJT).
- Tiada Juruukur Tanah Berlesen boleh mengambil mana-mana Orang Berartikel di bawah suatu Artikel melainkan jika dia telah berdaftar selama lebih daripada lima tahun dengan Lembaga.
- Seorang Juruukur Tanah Berlesen hanya boleh mengambil 5 Orang Berartikel dalam satu masa yang sama.
- Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia tidak ada had mengambil Orang Berartikel dalam satu masa yang sama.

# Keperluan Dokumen

- Borang LJT 6.
- Jadual 6 Artikel (Perjanjian).
- Dikemukakan oleh Juruukur Tanah Berlesen / Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan.
- Kelayakan akademik.
- Sijil lahir.
- Kad pengenalan.
- Fi RM100.



BORANG PERMOHONAN

PENDAFTARAN SEBAGAI "ARTICLED PUPIL"

1. Nama : .....

2. Tarikh Lahir : ..... Jantina : .....

3. Nombor Kad Pengenalan : (Baru) ..... (Lama) .....

4. Kewarganegaraan : ..... Bangsa : .....

5. Alamat : (Pejabat) ..... (Rumah).....  
.....  
.....  
.....  
No. Tel : ..... No. Tel : .....

6. Kelayakan Akademik dan Professional : (sertakan salinan sijil-sijil akademik)  
.....  
.....

7. Butir-butir Pengalaman Praktik, dengan tarikh :  
.....  
.....  
.....

8. Butir-butir Pendaftaran Terakhir (jika ada) :  
.....  
.....  
.....

9. Catatan :  
.....  
.....  
.....

.....  
(Tandatangan Pemohon)

.....  
(Tandatangan & Cop JTB)

**NOTA** : Semua salinan sijil dan kad pengenalan yang disertakan bersama dengan borang permohonan ini hendaklah disahkan oleh Juruukur Tanah Berlesen dengan catitan seperti berikut :  
"Saya sendiri telah memeriksa sijil / kad pengenalan asal dan menegaskan bahawa ini adalah salinan sebenar".

\* Bayaran Yuran : RM 100.00  
Tunai / Cek / Kiriman Wang (Potong mana yang tidak berkenaan)

## AKTA JURUUKUR TANAH BERLESEN 1958

## PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011

[Subperaturan 13(1)]

## ARTIKEL

LEMBAGA JURUUKUR TANAH  
SEMENANJUNG MALAYSIA

RUJ: LJT \_\_\_\_\_

ARTIKEL ini dibuat pada \_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 20\_\_ di antara \_\_\_\_\_  
(*juruukur tanah berlesen*)

seorang juruukur tanah berlesen yang telah dikeluarkan lesen amalan profesion ukur tanah dan menjalankan amalan di \_\_\_\_\_ DENGAN

\_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

(*orang berartikel*)

\_\_\_\_\_ dari \_\_\_\_\_ seorang yang telah dilengkapi dengan prasyarat yang dikehendaki untuk menjalani latihan di bawah juruukur tanah berlesen untuk melayakkannya didaftar sebagai juruukur tanah (selepas ini disebut "orang berartikel").

Bahawasanya orang berartikel berhasrat untuk mendapat latihan dalam mengendalikan pengukuran hak milik dan pengukuran lain dan juruukur tanah berlesen telah bersetuju untuk memberikan apa-apa latihan kepada orang berartikel bagi membolehkannya mendapatkan pendaftaran dengan Lembaga Juruukur Tanah di Semenanjung Malaysia sebagai seorang juruukur tanah berlesen.

Bahawasanya juruukur tanah berlesen sedang menjalankan amalan sebagai \*pemilik tunggal/ perkongsian dan telah berdaftar dengan Lembaga selama lebih daripada 5 tahun.

Bahawasanya orang berartikel hendaklah menjalani tempoh artikel di bawah penyeliaan juruukur tanah berlesen.

Bahawasanya orang berartikel hendaklah diberikan latihan dan/atau arahan dan/atau kemudahan secara percuma semasa tempoh artikel.

**1. Tafsiran**

1.1 Tajuk dan tajuk birai kepada klausa adalah untuk kemudahan sahaja dan tidak mempunyai kesan undang-undang.

1.2 Apa-apa rujukan dalam Artikel ini kepada mana-mana Akta atau perundangan subsidiari termasuklah apa-apa ubah suaian statutori atau pembuatan semula undang-undang itu atau peruntukan yang merujuk kepadanya.

### 1.3 Dalam Artikel ini—

“Akta” ertinya Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*];

“orang berartikel” ertinya seorang yang merupakan warganegara Malaysia yang telah memperoleh kelayakan yang diperlukan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 dan sedang menjalani latihan di bawah juruukur tanah berlesen;

“Artikel” ertinya suatu perjanjian atau tulisan yang mengandungi suatu kontrak atau perjanjian untuk latihan dalam bidang ukur tanah yang dibuat antara seorang juruukur tanah berlesen dengan orang yang berusaha melayakkan dirinya sebagai juruukur tanah berlesen;

“peperiksaan” ertinya peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga untuk pengeluaran perakuan kecekapan;

“lesen menjalankan amalan” ertinya suatu lesen untuk menjalankan amalan sebagai seorang juruukur tanah berlesen yang dikeluarkan oleh Lembaga;

“juruukur tanah belesen” ertinya orang yang namanya diletakkan dalam Daftar dan kepadanya suatu lesen menjalankan amalan telah dikeluarkan oleh Lembaga; dan

“Lembaga” ertinya Lembaga Juruukur Tanah yang telah ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta.

## 2. Tempoh dan waranti

2.1 Orang berartikel hendaklah memulakan tempoh artikelnnya di bawah bimbingan juruukur tanah berlesen bermula dari \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 20\_\_ dan hendaklah meneruskannya bagi tempoh dua (2) tahun (tertakluk kepada pembatalan awal) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel ini.

2.2 Orang berartikel memberi jaminan bahawa dengan membuat Artikel ini orang berartikel tidak akan melanggar mana-mana terma yang nyata atau tersirat dalam mana-mana kontrak dengan atau dari apa-apa kewajipan lain kepada mana-mana pihak ketiga yang terikat dengannya.

## 3. Tugas orang berartikel

Orang berartikel hendaklah pada setiap masa sepanjang tempoh Artikel—

3.1 menumpukan masa, perhatian dan kebolehannya sebagaimana yang dikehendaki secara munasabah daripadanya;

3.2 setia dan tekun melaksanakan tugas itu dan menjalankan kuasa yang sesuai dengan tugas yang diberikan atau diletak hak kepadanya dari semasa ke semasa;

3.3 sentiasa memberikan maklumat yang lengkap kepada juruukur tanah berlesen (secara bertulis sekiranya diminta sedemikian) tentang pengendalian kerja lapangan atau pejabat dan memberikan apa-apa penerangan sekiranya diminta;

3.4 tidak membuat apa-apa tuntutan palsu atau apa-apa yang tidak benar atau pernyataan yang mengelirukan semasa tempoh artikelnnya;

- 3.5 memulangkan semua dokumen kepada juruukur tanah berlesen secepat yang boleh dilaksanakan selepas menyempurnakan mana-mana kerja ukur atau sebagaimana yang diarahkan;
- 3.6 memulangkan apa-apa dokumen atau barangan ketara yang dipunyai oleh juruukur tanah berlesen sebagaimana diarahkan;
- 3.7 bertanggungjawab untuk menjaga dengan sebaik-baiknya peralatan yang di dalam milikan atau kawalannya;
- 3.8 memulangkan semua dokumen dan barangan ketara yang dipunyai oleh juruukur tanah berlesen sekiranya berlaku apa-apa pertikaian dan sementara menunggu penyelesaian atau apabila berlaku pembatalan Artikel tanpa apa-apa prasyarat;
- 3.9 berusaha untuk lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Lembaga semasa artikelnya; dan
- 3.10 mengemukakan keterangan mengenai pengalaman kepada juruukur tanah berlesen.

#### **4. Tugas juruukur tanah berlesen**

Juruukur tanah berlesen hendaklah pada setiap masa sepanjang tempoh Artikel ini—

- 4.1 memberikan elaun kepada orang berartikel bagi pelaksanaan tugasnya;
- 4.2 menyediakan kemudahan bagi menyempurnakan dua belas (12) bulan latihan yang termasuklah enam (6) bulan kerja lapangan dan enam (6) bulan kerja pejabat dalam mengendalikan ukur hakmilik;
- 4.3 membantu orang berartikel memperoleh pendedahan maksimum dengan memberikan kebenaran untuk tidak menghadiri seminar, kursus ulang kaji atau peperiksaan dan membenarkan pembuatan salinan rekod mana-mana ukur bagi maksud peperiksaan;
- 4.4 memberikan kepada orang berartikel suatu tempoh latihan berselia sebelum menjalankan ukur di bawah tanggungjawabnya sendiri;
- 4.5 memberikan laporan kemajuan atau apa-apa dokumen lain atau laporan bagi pengendalian dan penyempurnaan dengan jayanya tempoh artikel;
- 4.6 mengemukakan kepada Setiausaha Lembaga Artikel yang telah siap disempurnakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh permulaan bersama-sama dengan—
  - (a) keterangan mengenai kelayakan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011;
  - (b) keterangan mengenai tarikh lahir; dan
  - (c) fi pendaftaran Artikel.
- 4.7 mengemukakan kepada Setiausaha Lembaga suatu pernyataan dalam borang Jadual Kelapan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 bagi tempoh atau sebahagian tempoh yang tamat pada tiga puluh Jun atau tiga puluh satu Disember<sup>12</sup> setiap tahun tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tamatnya tempoh itu;



- 4.8 menguntukkan masa untuk memberikan bimbingan sewajarnya kepada orang berartikel; dan
- 4.9 tidak menahan daripada mengeluarkan apa-apa perakuan berkaitan dengan latihan yang diberikan semasa tempoh artikel, sekiranya berlaku apa-apa pertikaian dan sementara menunggu penyelesaian.

**5. Pembatalan**

Salah satu pihak boleh membatalkan Artikel dengan memberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya empat belas hari (14) kepada pihak yang satu lagi dan pada masa yang sama memaklumkan Lembaga mengenai pembatalan itu atau apabila pendaftaran orang berartikel sebagai juruukur tanah berlesen.

**6. Keselamatan**

Juruukur tanah berlesen hendaklah memastikan keselamatan orang berartikel.

**7. Kebolehasingan**

Jika mana-mana peruntukan Artikel ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan dalam apa-apa hal di bawah undang-undang, kesahan, keesahan dan penguatkuasaan peruntukan lain yang tinggal hendaklah dalam apa-apa keadaan tidak terjejas atau menjadi lemah.

**8. Pengecapan setem**

Perjanjian ini hendaklah disetem dan disampaikan kepada pihak masing-masing dan kos hendaklah ditanggung oleh juruukur tanah berlesen.

**PADA MENYAKSIKAN** hal-hal yang tersebut di atas, orang berartikel dan juruukur tanah berlesen yang dilantik sewajarnya dan diberi kuasa untuk menandatangani telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari dan tahun yang tertulis di atas.

DITANDATANGANI DIMETERAI DAN DISAMPAIKAN  
oleh yang dinamakan \_\_\_\_\_  
dengan kehadiran \_\_\_\_\_  
pada hari ini \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_  
20 \_\_\_\_



DAN oleh yang dinamakan \_\_\_\_\_  
dengan kehadiran \_\_\_\_\_  
pada hari ini \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_  
20 \_\_\_\_



*\*potong mana yang berkenaan*

**PENGIKTIRAFAN AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN DI IPTA/IPTS OLEH LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

<b>BIL</b>	<b>AKREDITASI</b>	<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>PPT</b>	<b>KELULUSAN TEMPOH AKREDITASI</b>
1	Sementara	Diploma in Geographic Information Science  (MQA / PA 8225)	Kolej Sains Geospasial dan Teknologi (GSTC)	15/1/16 – 14/1/18  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-456 (22/1/2016))</i>
2	Penuh	Diploma Geomatik  (MQA / FA 3303)	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	Julai 2017 - Julai 2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-475 (24/8/2017))</i>
3	Penuh	Diploma Geomatik  (MQA / FA 3208)	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	Julai 2017 - Julai 2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-475 (24/8/2017))</i>
4	Penuh	Diploma Ukur Tanah (MQA / FA 1368)	Politeknik Ungku Omar	Oktober 2017 - Oktober 2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-477 (26/10/2017))</i>
5	Penuh	Diploma In Geomatics  (MQA/PA 5052)	Kolej Sains Geospasial & Teknologi (GSTC)	Disember 2017 – Disember 2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-479 (27/12/2017))</i>  <b>KELULUSAN LANJUTAN TEMPOH AKREDITASI</b>  1 Disember 2020 – 30 November 2022  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-499 (22/11/2019))</i>
6	Penuh	Diploma Ukur Tanah  (MQA / FA 10028)	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Mac 2018 - Mac 2021  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-482 (30/3/2018))</i>
7	Penuh	Diploma in Geomatic Engineering	Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL)	30 Jun 2018 - 29 Jun 2021

**PENGIKTIRAFAN AKREDITASI PROGRAM PENGAJIAN DI IPTA/IPTS OLEH LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

<b>BIL</b>	<b>AKREDITASI</b>	<b>NAMA PROGRAM</b>	<b>PPT</b>	<b>KELULUSAN TEMPOH AKREDITASI</b>
		(MQA / FA 7624)		<i>(Mesyuarat Lembaga ke-484 (25/7/2018))</i>
8	Penuh	Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik (Kepujian) (MQA / FA 11510)	Universiti Teknologi Mara Shah Alam (UITM)	Sept 2015-Sept 2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-484 (25/7/2018))</i>
9	Penuh	Bachelor of Science (Hons) Geomatic and Land Surveying (MQA / FA 5706)	Kolej Universiti Geomatika (KUG)	23 Mac 2018-22 Mac 2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-486 (25/10/2018))</i>
10	Penuh	Certificate In Geomatics  (MQA / FA 4371)	Kolej Sains Geospatial & Teknologi (GSTC)	23/8/2018-22/8/2021  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-493 (28/5/2019))</i>
11	Penuh	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) (MQA 10757)	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	12/2/2019 - 11/2/2021  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-496 (26/8/2019))</i>
12	Sementara	Diploma in Geographic Information System  (MQA / PA 8567)	Kolej Universiti Borneo Utara (KUBU)	1/9/2019 - 31/8/2020  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-498 (24/10/2019))</i>
13	Penuh	Diploma In Geomatic  (MQA / FA 0987)	Politeknik Merlimau Melaka	1 Februari 2020 - 31 Januari 2023  <i>(Mesyuarat Lembaga ke-501 (23/1/2020))</i>

# LATIHAN



# Latihan

Tiap-tiap orang berartikel hendaklah berkhidmat selama:

(a) 12 bulan di lapangan.

(b) 12 bulan di pejabat tertakluk kepada pengecualian 6 bulan bagi Pensyarah yang berkhidmat di UTM dan UiTM melebihi 3 tahun dan Politeknik atau institusi Kerajaan yang diiktiraf oleh Lembaga selama 5 tahun).

- Latihan dalam ukur hakmilik di lapangan bagi tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan latihan dalam ukur hakmilik di pejabat bagi tempoh tidak kurang daripada 6 bulan.
- Latihan dalam ukur pemetaan di lapangan bagi tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan latihan dalam ukur pemetaan di pejabat bagi tempoh tidak kurang daripada 6 bulan.

# PEPERIKSAAN

# Peperiksaan

Peperiksaan hendaklah mengandungi:

(a) Bahagian I – Amalan Kadaster (RM 200 x1).

(b) Bahagian II – Pengemukaan Tugas Amali  
(RM 400 x 5).

(c) Bahagian III – Peperiksaan Amali dan Lisan  
(RM 400 x 2).

- Fi tidak termasuk mengulang peperiksaan atas sebab gagal.

# Bahagian I – Amalan Kadaster

Topik meliputi:

- Undang-undang tanah (pentadbiran dan pembangunan).
- Peraturan ukur (pekeliling JUPEM).
- Kanun Tanah Negara 1965.
- Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pengurusan Strata 2013.
- Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.
- Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 dan 2019 dan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958.
- Kadaster tanah dan Kadaster marin.
- Strata dan Stratum.
- Pengambilan balik tanah dan penempatan berkelompok.
- Remote sensing (GIS).
- Utiliti.
- Geodesi dan Unjuran Peta.
- Astromoni dan Falak (tidak pernah ada).

# Bahagian II – Pengemukaan Projek Ukur Hakmilik (3 Projek)

1) Suatu ukur hakmilik yang melibatkan pecah sempadan atau beri milikan lot untuk bangunan (kediaman, komersial atau industri atau kombinasi ketiga-tiganya) dan ukuran itu hendaklah:

- (i) mengandungi tidak kurang daripada 50 lot yang sempurna. Pecah sempadan atau berimilikan sebahagian lot atau kombinasi lebih daripada satu lot boleh diterima;
- (ii) termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan;
- (iii) termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.

# Pengemukakan Proyek Ukur Hakmilik

2) Suatu ukur hakmilik yang melibatkan pecah sempadan lot untuk bangunan (kediaman, komersial atau industri atau kombinasi ketiga-tiganya) dan ukuran itu hendaklah:

(i) mempunyai keluasan tidak kurang daripada 2.5 hektar (6.2 ekar) yang bertujuan untuk pembangunan bercampur;

(ii) termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan;

(iii) termasuk ukuran untuk rizab jalan; dan

(iv) termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.

# Pengemukaan Proyek Ukur Hakmilik

3) Suatu ukur hakmilik untuk tanah pertanian merangkumi 3 atau lebih lot berdampingan di mana keluasan cantuman tidak kurang daripada 7 hektar (17.3 ekar) dan ukuran itu hendaklah:

- (i) termasuk 2 daripada sempadannya yang bertindih dengan dan diletakkan semua berdasarkan ukuran yang diluluskan terdahulu;
- (ii) termasuk tanam pastian atau penggantian tanda sempadan; dan
- (iii) termasuk penentuan azimut dengan cerapan matahari.

# Pengemukakan Projek Ukur Pemetaan Topografi

4) Pemetaan topografi skala besar suatu kawasan berkeluasan tidak kurang daripada 10 hektar (24.7 ekar). Ukuran itu hendaklah termasuk:

- (a) ukuran kawalan mendatar dengan kaedah trabas yang mengikut piawai ukur kadaster;
- (b) penentuan azimut dengan cerapan matahari;
- (c) ukuran kawalan tegak dengan kaedah ukur aras;
- (d) ukuran butiran semula jadi dan butiran buatan manusia; dan
- (e) ukuran ketinggian titik dan melukis garisan kontur, sela kontur tidak kurang daripada dua meter.



# Pengemukaan Projek Ukur Kejuruteraan

5) Pengukuran suatu cadangan jalan jarak tidak kurang dari 1 kilometer. Pengukuran itu hendaklah termasuk:

- (a) terbitan datum dari tanda sempadan;
- (b) ukur kawalan mendatar mengikut piawai ukur kadaster;
- (c) ukur kawalan tegak dengan kaedah ukur aras;
- (d) pemancangan hak laluan;
- (e) menandakan garis tengah laluan;
- (f) ukur topografi jalur dan ukur butiran jalur; dan
- (g) profil longitud dan keratan rentas.

# Pengemukaan Projek Pemetaan Fotogrametri atau Projek Ukur Hidrografi

6) Pemetaan fotogrametri skala besar (skala 1: 10,000 atau skala lebih besar) suatu kawasan diliputi tidak kurang daripada dua model fotogrametri. Projek itu hendaklah termasuk:

- (a) pengukuran kawalan bumi;
- (b) perwakilan paramuka dengan garis kontur sela lima meter dan ketinggian titik-titik;
- (c) pengumpulan ciri-ciri topografi yang relevan; dan
- (d) gambaran mutakhir plot fotogrametri mengikut sehampirnya spesifikasi peta Siri Pemetaan Bandar Jabatan Ukur Malaysia.

# Pengemukaan Proyek Pemetaan Fotogrametri atau Proyek Ukur Hidrografi

7) Ukur batimetri skala sederhana (skala 1 : 5,000 atau skala lebih besar) tidak kurang daripada dua puluh lima hektar suatu kawasan pinggir pantai di mana garis ukur batimetri yang dijarakkan pada jarak tidak lebih daripada satu sentimeter skala plot. Ukuran itu hendaklah termasuk:

(a) pengukuran kawalan pesisir;

(b) penetapan pancang pasang surut dan cerapan pasang surut; dan

(c) pandu arah luar pesisir dan penentududukan menggunakan sama ada jarak-bearing atau jarak-jarak sistem penentududukan elektronik atau pembezaan masa hakiki Global Positioning System (GPS).

# Pengemukakan Projek Reka Bentuk Susun Atur Pecah Sempadan

8) Suatu skim untuk apa-apa jenis pembangunan mempunyai keluasan lebih kurang 4 hektar (9.9 ekar) yang menunjukkan jalan keluar masuk, susun atur lot-lot iaitu termasuk tanah lapang dan kemudahan asas bersesuaian dengan pembangunan berkenaan dan mengikut keperluan perancangan semasa untuk pembangunan sedemikian.

# Bahagian III – Peperiksaan Amali

Selepas lulus Bahagian I dan Bahagian II, boleh memohon untuk menghadiri Peperiksaan Amali dan Lisan yang dikendalikan oleh Lembaga yang merangkumi:

- (i) Satu ukuran hakmilik melibatkan pecah sempadan atau pecah bahagian (di kawasan berdekatan Lembaga).
- (ii) Ukur Aras

# Bahagian III – Peperiksaan Lisan

(i) Tatalaku professional.

(ii) Amalan profesional ukur dan tajuk-tajuk yang berkaitan.

(iii) Teknologi dan peralatan baharu dalam bidang ukur tanah.

(iv) Mana-mana tajuk lain yang berkaitan dengan ukur tanah.

# Kelayakan

- Seorang yang telah lulus Bahagian I adalah layak untuk menduduki Bahagian II.

(Sebelum pengemukaan tugas amali di bawah Bahagian II, Lembaga boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan keterangan bahawa:

- (a) semasa tempoh Artikelnnya dia telah mematuhi kehendak Lembaga; atau
- (b) dia telah memperoleh pengalaman yang dikehendaki oleh Lembaga.

- Tiada seorang pun layak bagi Bahagian II melainkan jika dia orang berartikel atau juruukur Kerajaan.
- Seseorang itu adalah layak menduduki Bahagian III dalam tempoh enam bulan setelah dikreditkan lulus Bahagian II.

# Keputusan Peperiksaan

- Markah lulus bagi Bahagian I peperiksaan ialah enam puluh peratus.
- Mana-mana calon yang gagal Bahagian I atau II peperiksaan itu boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan keputusan peperiksaan oleh Setiausaha berserta fi, merayu kepada Lembaga untuk menyemak semula kertas peperiksaan atau tugas amalnya.
- Seseorang calon yang gagal Bahagian III peperiksaan itu hendaklah, berserta pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, memohon untuk hadir semula di hadapan Lembaga bagi Bahagian III peperiksaan itu selepas enam bulan dari tarikh pemberitahuan keputusan peperiksaan oleh Setiausaha.



# Perakuan Kecekapan

Suatu perakuan kecekapan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kedua belas hendaklah dikeluarkan oleh Lembaga kepada setiap calon yang telah memenuhi kehendak yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini dan telah dikreditkan lulus Bahagian I, II dan III peperiksaan.

**THANK YOU**